



Peserta memanfaatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dimiliki untuk menjalankan misi kemanusiaan.



Pemeriksaan kesihatan turut diadakan sejajar pelaksanaan terhadap kepentingan aspek penjagaan diri.



Bergotong-royong menjayakan kerja pembaikan.

Misi kemanusiaan UMP ke Aceh

Oleh Nurul Nadira Shaari
 bhvarsiti@bh.com.my

► Banda Aceh

Bersama semangat tema 'We Love We Care', sekumpulan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) turun padang sebagai sukarelawan Misi Kemanusiaan Aceh yang menyelami kehidupan serba kekurangan masyarakat di sini.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) universiti itu dilaksanakan baru-baru

ini dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari), mahasiswa Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTek) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang (PKPP). Melalui inisiatif itu, peserta bergembere tenaga menabur bakti di rumah kebajikan Dayah Nurul Huda yang menempatkan anak yatim, termasuk mangsa tsunami 2004.

Ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP, Razita Syahirah Mustafar, 22, berkata pelbagai aktiviti dijalankan bersama penghuni rumah itu, termasuk

fokus terhadap aspek penjagaan diri dan kesihatan.

Syukuri nikmat

"Ini adalah misi kali kedua dijalankan di Dayah Nurul Huda. Kami bergotong-royong membersihkan kawasan sekeliling, di samping membaik pulih kolah, mengcat asrama dan membina perpustakaan mini.

"Kami juga berkongsi pengetahuan dengan penghuni mengenai kepentingan penjagaan diri dan kesihatan bagi meningkatkan taraf kehidupan, sekali gus memberi kesediaan kepada mereka," katanya.

Fakta nombor

Misi Kemanusiaan UMP di Aceh

60 PESERTA
 ambil bahagian

200 PENGHUNI
 Dayah Nurul Huda

Beliau mengaku pengalaman diraih bersama golongan kurang berkemampuan itu membuka matanya untuk sentiasa menyayuri nikmat ada di tanah air sendiri.

Sehubungan itu, katanya, masyarakat terutama mahasiswa, digalakkan menyertai aktiviti kesukarelawan yang secara langsung boleh turut meningkatkan kemahiran insaniah mereka.

Manfaatkan ilmu

Mahasiswa tahun satu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP, Muhamad Asraf Badaran Zaman,

20, pula berkata program itu memberi peluang kepadanya untuk memanfaatkan ilmu pengetahuan ditimba di universiti dengan membantu membaik pulih kolah, sekali gus memasyarakatkan teknologi dalam kalangan penghuni rumah kebajikan berkenaan.

"Mahasiswa terbabit dalam misi kesukarelawan seperti ini bukan sahaja dapat mengasah daya kepimpinan mereka, malah berupaya menjadi graduan berkeeterampilan dan memiliki kemahiran insaniah yang tinggi kelak," katanya.